

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGUNAAN menyatakan :-**

(a) usaha Kerajaan dalam memaksimumkan fungsi Kedai Rakyat 1Malaysia yang bertujuan membantu meringankan bebanan rakyat dalam berdepan dengan harga barangan keperluan yang semakin meningkat; dan

(b) rancangan mewujudkan KRIM di kawasan luar bandar yang lebih memberikan manfaat kepada golongan rakyat yang memerlukan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

- a) Program Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) diwujudkan bertujuan untuk memberi pilihan kepada rakyat khususnya yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk mendapatkan barangan keperluan harian berjenama 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) pada harga yang lebih murah berbanding harga barangan yang sama tetapi berjenama. Sehingga kini bilangan produk 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) yang dijual di KR1M adalah berjumlah 234 SKU yang majoritinya terdiri daripada kategori barangan keperluan harian. Pada awal pelaksanaan KR1M pada 2011, KR1M hanya menjual barangan yang diproses sahaja. Walau bagaimanapun, mulai 1 Mac 2014, KR1M turut menjual barangan basah seperti ayam, ikan dan sayur-sayuran di 38 KR1M dan akan dikembangkan ke seluruh KR1M secara berperingkat.

Di samping itu juga, pihak pengurusan KR1M sedang dalam perancangan untuk menambah bilangan produk 1MKR yang merangkumi rangkaian produk-produk lain seperti barangan kebersihan diri dan barangan am (general merchandise). Pembungkusan produk juga telah dinaik taraf untuk memberikan lebih tarikan dan menarik. Ini merupakan langkah yang diambil bagi menaik taraf serta menambah bilangan produk di KR1M agar ianya terus mendapat sambutan rakyat.

- b) Untuk makluman YB, KR1M hanya dibuka di kawasan bandar atau pekan kecil dan tidak terlalu pedalaman di luar bandar. Lokasi pemilihan KR1M adalah pada kawasan yang menjadi tumpuan

dan dapat memberi manfaat yang lebih kepada penduduk setempat. Pembukaan KR1M di kawasan pedalaman dikhuatiri akan memberi kesan kepada pengusaha kecil sedia ada di kawasan berkenaan terutama dari segi persaingan dan harga barangan.